

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Firma skala kecil dan sederhana telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Dari segi bilangan, firma skala kecil dan sederhana merupakan sektor yang terbesar di mana ianya melebihi 90% daripada firma yang ada di Malaysia (Omar 1991:2). Pada tahun 1981 firma skala kecil dan sederhana telah menyediakan 40 peratus daripada peluang pekerjaan dan 30 peratus daripada nilai ditambah di sektor perkilangan (Omar 1991:2).

Perkembangan firma skala kecil dan sederhana adalah amat menggalakkan di mana ianya telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara, iaitu sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada 19 peratus pada tahun 1985 kepada 27 peratus (\$21,381 juta) pada tahun 1990 (Omar 1991:2).

Sejak kebelakangan ini, kesedaran mengenai peranan dan sumbangan firma skala kecil dan sederhana oleh pelbagai pihak semakin tinggi. Pelbagai program dalam meningkatkan pembangunan firma skala kecil dan sederhana turut dirancang dan dilaksanakan baik oleh agensi dan institusi kerajaan mahupun swasta dalam usaha memastikan perkembangan pesat firma kecil dan sederhana selaras dengan pertumbuhan cemerlang ekonomi negara. Antara janji-janji yang diluahkan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) is fully committed to its healthiest development;
- (ii) small and medium scale enterprise must be assisted to grow bigger. Surplus savings and domestic capital must be more productively channelled into investments. Where necessary, technological and training help must be extended; and infrastructural support must be given (Abdul 1991:22).

Menurut Small and Medium Industries (SMIs) Association Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri¹ telah membezakan Industri Skala Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perniagaan Skala Kecil dan Sederhana (PKS) kepada dua sektor utama yang berlainan. Sebenarnya Bank Dunia, Hong Kong, Taiwan, Singapura, Filipina, Thailand dan sebagainya tidak membezakan IKS dan PKS, sebaliknya IKS adalah tertakluk dalam PKS. PKS adalah mewakili dan merangkumi ketiga-tiga sektor iaitu sektor perkilangan, sektor pengeluaran dan sektor perniagaan umum. Akan tetapi, di Malaysia, The Ministry of International Trade and Industry (MITI) telah membezakan ketiga-tiga sektor tersebut mengikut kategori masing-masing, seperti mana yang dinyatakan oleh Tan Sri Dato'Soong Siew Hoong², dalam 40an, 50an dan 60an, Malaysia adalah tertumpu kepada perniagaan skala kecil seperti kedai runcit, kedai kain, kedai membuat alat-alat dapur, kedai membuat dan menjual alat-alat pertanian dan sebagainya. Akan tetapi, pada 70an dan 80an pula, kerajaan Malaysia mula mementingkan pengilangan dan perindustrian, akibatnya, kerajaan telah membentuk pelbagai skim ditumpu kepada industri-industri skala kecil dan sederhana yang digolongkan oleh The

¹ Perkataan singkatan yang biasa digunakan di Malaysia ialah MITI (The Ministry of International Trade and Industry). Jadi dalam penulisan seterusnya akan lebih cenderung dalam penggunaan MITI.

² Tan Sri Dato' Soong Siew Hoong merupakan setiausaha kepada The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia.

Ministry of International Trade and Industry (MITI). Di bawah adalah pembahagian kategori sektor IKS dan PKS:

(A) SMIs (IKS)

(i) The Manufacturing Sector

SMIs involve in activities such as processing and production of raw materials such as food, beverage, textile, wood, chemicals, petroleum, rubber, plastic, metallic and non-metallic materials, transport equipment, and more recently, assembling and manufacturing of electrical and electronics appliances and components (Mohd 1999:41).

(ii) The Agricultural Sector

SMIs are involves as agricultural producers and natural-product producers of rubber, padi, oil palm, coconuts, cocoa, pepper, tobacco, livestock, timber and fish (Mohd 1999:41).

(B) SMEs (PKS)

(i) The General Business Sector

SMEs that function in this sector comprise those involve with construction, wholesale and retail trade, restaurant, chalet and hotel, transport and storage, business services and activities (Mohd, 1999:41).

Setelah jelas membezakan kedua-dua sektor, sekarang penulis ingin membincangkan definisi IKS dan PKS. Pendekatan dalam definisi ini, tidak mempunyai sebarang pengertian yang khusus dan mutlak, setiap individu, ahli akademik, agensi mahupun institusi kerajaan merujuk definisi IKS dengan berbagai taksiran yang tersendiri. Secara umum, definisi IKS dihubungkan dengan ukuran kuantitatif seperti jualan, output, bilangan pekerja, jumlah modal, jumlah aset dan yang terbaru ialah jumlah penjualan. Ukuran kualitatif, seperti tingkat teknologi pengeluaran dan pengurusan juga boleh dijadikan petunjuk untuk menentukan satu-satu industri itu sama ada berskala kecil, sederhana ataupun besar. Di Malaysia, ukuran yang paling kerap digunakan oleh para pengkaji apabila membincangkan tentang IKS ialah

bilangan pekerja sepenuh masa dan saiz modal. Di sini, terdapat beberapa definisi IKS yang berasaskan bilangan pekerja. Misalnya, dalam laporan yang dibuat oleh tiga agensi antarabangsa di Malaysia tidak lama dulu iaitu Bank Dunia (1984), United Nation Industrial Development Organisation (UNIDO)(1985 dan 1986) dan Bank Pembangunan Asia (1990) telah merumuskan industri pelbagai saiz operasi dalam tiga kategori utama (Moha 1999:79):

- (i) Industri skala kecil (ISK) sebagai operasi perniagaan dan perusahaan yang mempunyai pekerja kurang daripada lima puluh orang.
- (ii) Industri skala sederhana (ISS) sebagai operasi perniagaan atau perusahaan yang mempunyai pekerja di antara lima puluh hingga seratus sembilan puluh sembilan orang, dan;
- (iii) Industri skala besar (ISB) sebagai firma yang mempunyai pekerja melebihi dua ratus orang.

Di samping itu, sarjana yang terlibat dalam kajian IKS juga telah menggariskan beberapa panduan asas mengenai pengertian IKS. Salah seorang daripada mereka ialah Chee Peng Lim, yang banyak terlibat dalam penyelidikan industri bersaiz kecil dalam bidang perkilangan. Beliau telah mengelaskan ISK sebagai firma yang mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 50 orang. ISB pula ialah firma yang mempunyai bilangan pekerja 50 orang atau lebih (Chee 1986:3). Encik Omar Bin Haji Yusuf iaitu ketua penolong pengarah pembangunan perindustrian pada tahun 1991 pula memberi definisi seperti berikut (Omar 1991:3) :

- (i) Industri Kecil adalah ditakrifkan sebagai sesebuah pertubuhan atau syarikat pengilangan yang mempunyai dana pemegang saham atau aset tetap tidak melebihi RM500,000.00.
- (ii) Industri Sederhana sebagai pertubuhan yang mempunyai dana pemegang saham atau aset bersih tidak melebihi RM2.5juta.
- (iii) Industri besar mempunyai dana pemegang saham atau aset bersih RM2.5 juta ke atas.

Akan tetapi, Lembaga Pembangunan Perindustrian Persekutuan (LPPP)³ pula menganggap firma yang mempunyai kurang daripada 50 orang pekerja sebagai industri kampung. Sementara ISK ditakrifkan sebagai firma yang mempunyai bilangan pekerja antara 50 hingga 99 orang. Firma yang mempunyai bilangan pekerja antara 100 hingga 199 orang ditakrifkan sebagai ISS. ISB pula merangkumi firma yang mempunyai bilangan pekerja 200 orang atau lebih.

Majlis penyelarasan bagi Pembangunan Industri Skala Kecil (PISK)⁴ mendefinisikan ISK berasaskan saiz modal yang digunakan, iaitu industri yang mempunyai aset tetap kurang daripada RM250,000. Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia Berhad (PJKMB)⁵ pula mendefinisikan ISK sebagai organisasi yang mempunyai modal berbayar dan rezab yang tidak melebihi RM100,000 bagi usahawan bukan bumiputera atau RM200,000 bagi usahawan bumiputera.

³ Singkatan yang digunakan di Malaysia ialah FIDA (Federal Industrial Development Authority).

⁴ Singkatan yang digunakan di Malaysia ialah CCDSI (Coordinating Council for Development of Small-Scale Industries).

⁵ Singkatan yang digunakan di Malaysia ialah CGC (Credit Guarantee Corporation).

Memandangkan berbagai definisi yang diketengahkan itu, penulis akan menggunakan taksiran kerajaan di mana ia adalah satu definisi yang biasa diterima oleh khalayak ramai dan sesuai dengan kajian penulis ini. Untuk memberi definisi kepada industri kecil dan sederhana. MITI pernah menggariskan beberapa pengertian umum tetapi sentiasa berubah mengikut masa. Misalnya, Akta Penyelesaian Perindustrian atau Industrial Cordination Act yang telah diperkenalkan pada tahun 1975 memberi definisi ISK sebagai kilang yang beroperasi dengan jumlah tenaga buruh sepenuh masa lebih daripada dua puluh orang dan modal berbayar lebih daripada RM250,000 (Moha 1999:78). Pada tahun 1986, akta tersebut dipinda lagi, ISK didefinisi sebagai kilang yang mempunyai modal berbayar RM7.5 juta dan mempunyai tujuh puluh lima orang pekerja sepenuh masa. Ini bermakna kilang yang mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi tujuh puluh lima orang dan modal berbayar tidak melebihi RM7.5 juta adalah digolong dalam industri kecil dan sederhana (Moha 1999:78).

Terdapat banyak definisi PKS yang diketengahkan oleh perbadanan swasta dan kerajaan. Definisi yang diketengahkan oleh MITI pada 19 Jan 1998 yang berkait dengan jumlah tahunan adalah seperti berikut:

- (i) A small-sized firm (SSF) as “a firm with less than 50 full-time employees, and with an annual turnover of not more than RM10 million”.
- (ii) A medium-sized firm (MSF) as “a firm with between 51 and 150 employees, and with an annual turnover of between RM10 million and RM25 million (Mohd 1999:41).

Perbincangan tersebut telah jelas menunjukkan bahawa tidak ada satu definisi yang khusus untuk memberi taksiran industri skala kecil. Namun demikian, dalam kajian penulis ini adalah sesuai ISK didefinisikan sebagai firma mempunyai pekerja sepenuh masa kurang atau sama dengan 50 orang. ISS pula mempunyai pekerja sepenuh masa di antara 51 hingga 150 orang, sementara industri yang mempunyai pekerja sepenuh masa seramai 151 orang atau lebih dianggap sebagai ISB.

Oleh kerana tumpuan utama penulis adalah mengkaji fahaman usahawan Cina dalam firma skala kecil dan sederhana (FKS) di Lembah Kelang. Jadi dalam kerja lapangan penulis, penulis akan memilih responden yang berasal dari firma skala kecil dan sederhana sudah memadai. Penulis tidak kira usahawan Cina tersebut berasal dari sektor IKS atau PKS.

1.2 HIPOTESIS

Kajian penulis mengambil sampel FKS dari Lembah Kelang yang masih beroperasi giat. Sampel FKS adalah terdiri daripada usahawan Cina dalam sektor FKS.

1.2.1 Persoalan Penyelidikan.

Persoalan menarik ialah mengapa FKS, dan bukan syarikat besar yang terdapat di Lembah Kelang? Bagaimana FKS menyesuaikan diri kepada keadaan yang tidak mempunyai naungan politik semasa menjalankan perniagaan?

Kajian membincangkan adakah kewujudan nilai-nilai Konfusianisme dalam dunia perniagaan usahawan Cina? Adakah elemen-elemen Konfusianisme mempengaruhi usahawan Cina? Kenapa usahawan Cina mengamalkan elemen-elemen Konfusianisme? Adakah unsur-unsur seperti berbudi pekerti, ketaatan kepada ibu bapa, mementingkan hubungan famili dan persahabatan dan *xinyong* merupakan strategi-strategi perniagaan dalam sektor FKS? Kesemua soalan ini merupakan hajat penulis untuk mendapat jawapannya melalui penyelidikan dan kajian perpustakaan.

FKS pada masa ini mempunyai berbagai masalah baik dari proses penubuhan hinggalah ke pasaran. Adakah FKS menghadapi masalah-masalah dari segi kewangan, pemasaran, persaingan, pekerja dan kawalan kualiti produk? Beberapa cadangan ditujukan bagi menyelesaikan masalah-masalah sektor FKS samada lebih unik atau secara pendekatan umum? Pelaksanaan pendekatan ini memerlukan maklumat komprehensif tentang profil, pemasaran, tingkat teknologi, kemahiran dan sokongan kewangan.

Penilaian yang diberi terhadap bantuan kewangan, program latihan, khidmat nasihat, sokongan infrastruktur dan pemasaran yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta kepada FKS semasa beroperasi. Penelitian perlu dituju kepada ciri-ciri struktur perniagaan famili orang Cina dalam sektor FKS.

Apakah sikap dan pandangan usahawan Cina dalam sektor FKS terhadap perkembangan FKS yang berimplikasi dengan K-Ekonomi?

Penekanan ini bolehkah memberi pandangan positif kepada FKS Cina menjamin kedudukan ekonomi dan taraf kehidupan mereka di Malaysia? Banyak insentif telah disediakan untuk menggalak usahawan-usahawan Cina dalam sektor FKS mengamalkan K-Ekonomi, adakah insentif ini berkesan? Kesemua persoalan ini harus diperbincangkan untuk memperolehi satu tanggapan yang jelas untuk membayangkan prospek usahawan Cina dalam sektor FKS.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Pendekatan utama tesis ini adalah bertujuan melihat beberapa perkara penting. Pertama ialah kewujudan nilai-nilai Konfusianisme dalam dunia perniagaan usahawan Cina. Misalnya pengamalan xinyong, terdapat hubungan kekeluargaan dan persahabatan, pengamalan budi pekerti dan ketaatan terhadap ibu bapa.

Tujuan adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkembangan dan peranan yang dimainkan oleh usahawan Cina di Lembah Kelang dan meninjau dengan lebih teliti sikap dan pandangan usahawan Cina terhadap firma skala kecil dan sederhana.

Tesis ini juga bertujuan untuk mengenengahkan masalah-masalah yang biasa dihadapi oleh usahawan Cina dan mengenal pasti faktor-faktor yang mencorakkan firma skala kecil dan sederhana di Lembah Kelang. Melalui pendedahan ini diharapkan agar pihak yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dengan komuniti usahawan Cina secara umum dapat

mengambil iktibar. Di samping itu diharap saranan yang diberikan dapat dijadikan panduan untuk merangka dan melaksanakan program pembangunan ekonomi untuk komuniti usahawan Cina khususnya dan negara amnya di masa depan.

Sehingga hari ini, terdapat sedikit bahan penulisan dan pendedahan keilmuan tentang pemikiran usahawan Cina di sektor perusahaan kecil dan sederhana, khususnya dalam Bahasa Malaysia. Jesteru itu, tujuan penulisan kajian ini bukan saja cuba memenuhi ketandusan tersebut tetapi juga membuat penelitian terperinci melalui kes kajian mengenai kaedah pengelolaan.

1.4 SKOP KAJIAN

Bidang yang diliputi dalam kajian penulis boleh dibahagi kepada beberapa bahagian. Ini termasuk jenis kaum yang ingin dikaji oleh penulis, kawasan yang dipilih untuk membuat kajian dan perspektif usahawan Cina dalam sektor FKS.

Jenis kaum yang diambil untuk kajian oleh penulis adalah terdiri daripada usahawan Cina dalam sektor firma skala kecil dan sederhana sahaja. Usahawan Cina ini adalah terdiri daripada pelbagai keturunan, seperti keturunan Kantonis (Guangdong), Hakka (Kejia), Fuchew (Fuzhou), Teochew (Chaozhou) dan Hokkien (Fujian). Sampel ini merupakan usahawan Cina yang masih aktif dalam FKS. Persepsi usahawan Cina terhadap nilai-nilai kewujudan Konfusianisme juga merupakan skop kajian penulis.

Lokasi yang dipilih oleh penulis adalah Lembah Kelang. Lembah Kelang merupakan tempat yang merangkumi Gombak, Kelang, Kuala Selangor, Kuala Langat, Sepang, Ulu Langat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jinjang, Kampung Sungai Penchala (sebahagian), Kampung Batu, Kampung Kepong, Salak Selatan dan Sungai Besi (Laporan 2000:7). Lembah Kelang dipilih, dan bukan tempat lain yang mempunyai usahawan Cina dalam sektor FKS, berdasarkan pertimbangan kajian-kajian masa kini adalah kurang tertumpu kepada usahawan Cina di Lembah Kelang. Sumber rujukan asal ACCCIM telah mendorong penulis memilih Lembah Kelang untuk mengimbangkan kajian usahawan Cina di sektor FKS.

Perspektif usahawan Cina dalam sektor FKS terhadap masalah-masalah yang dihadapi semasa beroperasi serta cadangan-cadangan yang di beri adalah amat dialu-alukan dalam kajian penulis.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kebanyakan orang pada hari ini mengetahui kewujudan masyarakat Cina, tetapi tidak ramai yang jelas mengetahui dengan status masyarakat Cina di Lembah Kelang terutama dari aspek penubuhan perusahaan Cina. Begitu juga jarang mengetahui pengaruh fahaman terhadap usahawan Cina. Kajian ini bertujuan untuk membuat penyelidikan yang khusus mengenai fahaman usahawan Cina di Lembah Kelang.

Perniagaan usahawan Cina merupakan topik yang hangat. Akan tetapi, dalam lapangan firma kecil dan sederhana (FKS) masih tidak mempunyai

pengkaji yang banyak menceburi dirinya dalam kajian lapangan ini. Walaupun dewan perniagaan juga ada kaji lapangan FKS, akan tetapi kajian mereka adalah secara teori dan kurang praktikal serta tidak mementingkan akademik. Dengan adanya kajian penulis terhadap lapangan ini, maka menyempurnakan lagi kajian ke atas perniagaan usahawan Cina.

Kajian penulis ini diharapkan akan dapat memberi informasi kepada kajian usahawan Cina dan proses evolusi mereka. Dalam hubungan ini, penulisan tesis ini berdasarkan kajian sebenar yang dilakukan itu diharap akan dapat memberi maklumat selanjut dan menyumbang serta berfaedah kepada banyak pihak seperti para usahawan Cina, ahli akademik, para penggubal dasar dan seterusnya orang ramai.

Kajian ini juga adalah penting untuk memahami hasrat dan tujuan sebenar usahawan Cina bersusah-payah berpegang kuat terhadap jenis perniagaan mereka serta memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan usahawan Cina di Lembah Kelang. Selain daripada itu, kajian ini diharap dapat menjadi bahan rujukan kepada para pembaca yang ingin dapat pendekatan yang lebih mendalam tentang usahawan Cina di Lembah Kelang.

1.6 PEMILIHAN LOKASI KAJIAN

Lembah Kelang merupakan satu lokasi yang penuh dengan strategi. Terdapat ramai penduduk yang menduduki kawasan ini. Penduduk Lembah Kelang terdiri daripada kira-kira 310,508 isi rumah dalam Wilayah Persekutuan dan 929,871 isi rumah dalam Selangor. (Laporan 2000:7).

Terdapat beberapa kriteria yang penting turut mendorong penulis memilih Lembah Kelang sebagai kawasan kajian. Pemilihan ini dibuat berlandaskan kriteria-kriteria yang dimilikinya seperti berikut:

- (i) Salah satu sebab yang penting ialah kawasan kajian ini merupakan kampung halaman penulis sendiri. Hal ini memudahkan penulis melakukan kajian serta mendapat bantuan dan kerjasama daripada berbagai pihak seperti ahli keluarga dan rakan penulis.
- (ii) Penulis pernah bekerja dengan usahawan Cina selama empat tahun telah berpeluang berkenalan dengan ramai usahawan Cina yang lain sama ada dari perusahaan kecil ataupun besar. Di samping itu, disebabkan salah seorang kakak penulis adalah bekerja di ACCCIM, maka penulis juga mendapat peluang untuk bertemu dengan lebih ramai lagi usahawan Cina di Lembah Kelang.
- (iii) Kepesatan pembangunan di Lembah Kelang telah menjadikan kawasan penting kepada pembangunan Malaysia. Lembah Kelang merupakan graviti kepada semua jenis aktiviti pembangunan, perdagangan dan perusahaan. Di samping itu, Lembah Kelang juga merupakan pusat pentadbiran utama di negara kita. Oleh itu, penulis memilih kawasan ini sebagai lokasi kajian yang penting. Ramai usahawan Cina menubuh kilang dan kedai di Lembah Kelang. Lembah Kelang merupakan satu lokasi yang strategi. Kemudahan infrastruktur yang ditawarkan oleh kerajaan telah menggalak usahawan melabur di kawasan Wilayah Persekutuan, Shah Alam, Petaling Jaya dan Kelang. Di samping itu, Malaysia sebagai sebuah pusat perdagangan yang penting, jadi adalah penting bagi penulis mengkaji kawasan ini.

Di samping itu, unjuran Rancangan Malaysia ke enam menunjukkan negeri Selangor akan terus menjadi negeri perusahaan utama di negara ini dengan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) perkapita sebanyak \$8,454 iaitu yang tertinggi sekali di negara ini dalam tahun 1995 (Muhamad Taib 1991:3). Tren ini memperlihatkan bahawa Selangor dan Kuala Lumpur akan terus menjadi pusat perkhidmatan, pusat pembangunan dan perusahaan utama serta penggerak kepada ekonomi negara. Tren ini bukan saja akan mengekalkan kuasa beli di Lembah Kelang yang kini membentuk lebih lima puluh peratus daripada kuasa beli negara, malah memperkukuhkan lagi kuasa beli ke satu tahap yang lebih tinggi. Ini adalah jelas kepada kita kepesatan perusahaan di jangka mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan perindustrian baru dan zon-zon perdagangan.

1.7 METODOLOGI

Penyelidikan perpustakaan dan mengutip maklumat secara turut serta telah digunakan dalam kajian tesis sarjana ini. Ia ditambah dengan penggunaan soal selidik dan temuramah. Dalam menjalankan kajian ini, beberapa kaedah kajian tersebut telah digunakan untuk mengumpulkan data skunder dan data primer.

1.7.1 *Pengumpulan Data Skunder.*

Data Skunder dikumpulkan terlebih dahulu untuk melihat apakah topik yang dikaji setakat ini berkaitan dengan usahawan Cina. Di samping itu, data skunder juga dapat memperkukuhkan data yang dikutip.

Pengkaji mengumpul data mengenai sejarah dari Arkib Negara dan maklumat lain berkenaan komuniti Cina secara keseluruhannya di Malaysia. Bahan bertulis ini termasuk pembacaan buku, jurnal, majalah, latihan ilmiah, rencana, surat khabar dan lain yang berkaitan. Pengumpulan data skunder diusahakan dengan beberapa cara seperti penyelidikan perpustakaan iaitu dari Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Negara. Di samping itu, kajian ini menggunakan sumber dari ACCCIM (The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia) dan Persatuan-persatuan Sekampung.

1.7.2 *Pengumpulan Data Primer.*

Pengumpulan data primer ini dilakukan semasa kerja lapangan dijalankan. Empat cara digunakan bagi mengumpulkan bahan kajian berbentuk kuantitatif mahupun kualitatif:

- (i). Soal Selidik
- (ii). Temuramah
- (iii). Pemerhatian

(i) Menggunakan borang soal selidik

Menurut Social Research Methods yang ditulis oleh Forcese:

“Questionnaires may be defined simply as forms for securing answer to question.”(Forcese 1973:160)

Soal selidik merupakan alat terpenting bagi penulis untuk mengumpul maklumat daripada responden dan juga disediakan sebagai panduan kepada

temuramah serta bagi mencatatkan jawapan dari responden-responden. Ia adalah suatu borang yang dibentuk khusus untuk mengisi maklumat yang diberikan oleh setiap responden dalam temubual. Borang soal selidik terpaksa digunakan disebabkan jangka masa untuk pemerhatian turut serta adalah terhad. Satu rentetan soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian digubal khas untuk mendapat maklumat.

Soal selidik ini mengandungi dua puluh pertanyaan untuk mendapat data-data kuantitatif dan kualitatif. Data-data berbentuk kuantitatif itu diantaranya ialah tentang latar belakang syarikat, pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Manakala data-data yang kualitatif pula ialah mengenai hubungan kekeluargaan dan pemikiran mereka terhadap perniagaan, perhubungan mereka dengan syarikat lain, aktiviti sosial dan pendirian dan pandangan mereka terhadap persoalan ekonomi, politik dan masyarakat di tanar air.

Soal selidik penulis dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu:

Bahagian A: Latar belakang responden

Bahagian B: Latar belakang ekonomi responden

Bahagian C: Hubungan kekeluargaan dan pemikiran responden terhadap perniagaan

Bahagian D: Perhubungan responden dengan syarikat lain

Bahagian E: Aktiviti sosial dan pendirian serta pandangan responden.

(ii) Temubual

Pelaksanaan kerja lapangan untuk mengisikan tujuan dan skop kajian ini, ditunjang juga dengan temubual. Temubual ini mencatat peristiwa atau

kejadian yang tidak penulis alami sendiri selama kerja lapangan berlangsung. Pada asasnya, temuramah merupakan satu proses interaksi di antara penulis dengan respondennya untuk mendapat maklumat yang berkenaan dengan bidang kajiannya.

Semasa kajian metodologi ini digunakan agar soalan-soalan dalam set soal selidik diperbincangkan dengan lebih lanjut. Di samping itu, maklumat yang terdapat dalam soal selidik umpamanya pemikiran, perhubungan, pendirian dan pandangan usahawan Cina dapat dikumpulkan.

Temubual yang dilakukan dengan responden yang terdiri dari golongan usahawan Cina seperti pemilik syarikat. Temubual ini dilakukan secara formal di syarikat-syarikat responden. Dalam kontek temubual ini penulis ingin menekankan di sini bahawa penguasaan bahasa loghat seperti kantonis, hokkien, teochew dan hakka adalah amat penting, dengan penguasaan bahasa loghat yang kuat oleh penulis maka penulis dapat temu ramah usahawan Cina mengikut bahasa loghat yang mereka biasa ditutur. Hal ini dapat mewujudkan suasana temu ramah yang mesra.

(iii) Permerhatian.

Kaedah pemerhatian dan turut serta digunakan dalam membuat kajian ini. Crane dan Michael menjelaskan pendapat mereka bahawa pemerhatian dan turut serta bukan merupakan satu teknik penyelidikan sebaliknya merupakan satu set 'penyelidikan yang berkaitan'. Mereka mendefinisikan kaedah pemerhatian dan turut serta sebagai: "*participant observer of the lives*

and activities of the people under study, but is also a participant in that round of activities."(Crane 1974:63) Kaedah ini penting terutama untuk melihat proses penyesuaian dan interaksi yang berlaku oleh usahawan Cina.

Jangkamasa yang diperuntukkan untuk menjalankan pemerhatian secara intensif ini adalah selama 180 hari. Selama 120 hari yang selebihnya diperuntukkan untuk pemprosesan maklumat dan mengemaskan data yang diperolehi. Dalam tempoh ini penulis yang mengumpulkan data yang tertinggal dan kurang lengkap telah diperbetulkan untuk mendapat hasil yang paling sempurna. Penulis pergi ke kawasan kajian setiap hari dari jam dua belas hinggalah jam enam petang. Tambahan pula tempat kediaman penulis tidak jauh dari kawasan kajian yang memudahkan penulis berulang-alik setiap hari.

Kaedah pemerhatian dan turut serta juga berupaya membentuk perhubungan yang lebih mesra dan bentuk hubungan yang tidak formal. Hubungan ini penting untuk memastikan penulis memperoleh kerjasama dalam proses pengumpulan maklumat dan data. Perlu diingatkan di sini bahawa kaedah ini mempunyai fleksibiliti dan dilakukan pada bila-bila masa boleh disesuaikan dengan keadaan dan tempat bagi mendapat maklumat.

Akhir sekali catatan diari dan catatan nota yang amat penting dan telah dilakukan setiap hari sepanjang tempoh berada di tempat kajian. Catatan rekod harian amat penting terutamanya apabila penulis ingin menganalisa perkara-perkara seperti, aktiviti ekonomi yang dijalankan, jumlah jam bekerja

dan jumlah hari kedatangan bekerja. Dalam kes ini beberapa buah syarikat telah dijadikan sampel untuk menganalisa bagaimana pengelolaan pentadbiran dilakukan.

1.7.3 *Pemilihan Sampel*

Oleh kerana kawasan ini terlalu luas dan jumlah usahawan Cina yang ramai, maka tidak mungkin semua usahawan Cina di sini ditemui. Oleh itu hanya sampel dari mereka sahaja yang dipilih untuk dikaji. Untuk memastikan pemilihan sampel berlaku tanpa sebarang bias, cara persampelan rawak mudah digunakan.

“Persampelan rawak mudah ialah proses mencabut suatu sampel dengan unit-unit asas (unsur) dipilih secara individu (atau satu demi satu) dan langsung melalui suatu proses yang rawak. Melalui proses ‘rawak’ ini, setiap unit yang belum terpilih mempunyai peluang (kebarangkalian) yang sama untuk dipilih dengan unit-unit lain pada tiap-tiap cabutan.”(Ahmad 1992:97)

Seramai 1000 responden telah dipilih untuk diminta mengisi borang soal selidik. Borang soal selidik ini telah diserahkan kepada persatuan-persatuan perniagaan seperti persatuan kejuruteraan, persatuan pemborong, persatuan textile dan lain-lain lagi. Borang soal selidik ini juga diedarkan kepada ACCCIM supaya ahli-ahli bagi persatuan ini dapat melengkapkan borang tersebut. Akan tetapi, respon daripada responden kurang memuaskan, penulis hanya dapat mengumpul balik 56 borang soal selidik sahaja, di antaranya terdapat 21 borang soal selidik dilengkapi dengan sempurna.

Oleh yang demikian, penulis terpaksa menggunakan cara menghubungi pemilik-pemilik syarikat dan membuat apoinmen untuk bertemu dengan mereka dan menemuramah mereka mengikut soalan soal selidik. Cara ini telah menyebabkan penulis berjaya memperolehi borang soal selidik yang lengkap sebanyak 256.

Untuk memperjayakan kaedah ini, penulis telah cuba menggunakan e-mel untuk menghantar borang soal selidik tersebut kepada kawan-kawan dan ibu bapa kawan yang memiliki syarikat. Bapa saudara atau sepupu penulis yang merupakan pemilik syarikat. Langkah ini telah menyebabkan penulis berjaya memperolehi sebanyak 33 borang soal selidik yang lengkap. Ini telah menjadikan penulis memperolehi jumlah sebanyak 310 keping borang soal selidik yang lengkap iaitu penulis berjaya mendapat 31% daripada jumlah responden untuk melengkap borang soal selidik.

Dalam membuat pemilihan sampel, seorang pengkaji akan cuba memilih sekumpulan individu yang kecil bilangannya di mana ia dapat mewakili populasi yang lebih besar bilangannya.

Sampel ini telah mewakili usahawan Cina yang tinggal berselerak di kawasan ini, untuk memastikan sample yang dipilih terdiri daripada berbagai jenis perniagaan, maka setiap jenis perniagaan daripada persatuan telah dipilih sebagai sampel seperti daripada persatuan pemborong buah-buahan, persatuan perabot, persatuan perniagaan emas dan permata, persatuan kejuruteraan, persatuan kilang kasut dan lain-lain lagi. Pemilihan ini adalah berdasarkan

umur mereka, tapak perniagaan di kawasan Lembah Kelang dan juga jenis perniagaan mereka.

Dua cara telah digunakan untuk menemui pemilik-pemilik syarikat yang dipilih itu. Pertama, melalui persatuan sekampung di tempat itu. Penulis memberitahu pemilik syarikat yang akan ditemui dan meminta kerjasama daripada responden melalui jaringan sosial rakan dan berkenalan dengan pekerja di persatuan tersebut. Menerusi pendekatan ini, penulis berhubung dan berinteraksi dengan satu buah syarikat dan mereka membantu penulis mencarikan syarikat yang lain. Melalui jaringan sosial ini, akhirnya penulis dapat bertemu dengan ramai pemilik syarikat. Pendekatan ini sesuai bagi penyelidik yang baru mula memasuki satu-satu keadaan di mana informan tidak kenal penulis. Cara kedua ialah membuat kunjungan ke syarikat yang terletak berhampiran dengan kediaman penulis.

Beberapa minggu sebelum penyelidikan dimulakan penulis memberitahu pemilik syarikat tentang penyelidikan tersebut dan meminta kebenaran mereka untuk menjalankan penyelidikan itu.

Semua responden yang dipilih dapat ditemuramahkan dan kebanyakan temuramah-temuramah ini diadakan di syarikat-syarikat mereka. Selain daripada menjawab pertanyaan yang disediakan responden-responden juga digalakkan berbincang, dari masalah syarikat mereka sehari-hari sehingga masalah ekonomi Malaysia

1.8 MASALAH-MASALAH KAJIAN

Kesulitan yang dihadapi dalam proses penulisan tesis ini dibahagikan kepada tiga tahap seperti berikut:

- (i). Peringkat sebelum membuat kerja lapangan
- (ii). Peringkat kerja lapangan dan pengumpulan data
- (iii). Peringkat penganalisan data
- (iv). Nota penterjemah

Masalah pertama yang dihadapi dalam peringkat pertama ialah kesulitan untuk menjalankan bancian atau mendapat perangkaan-perangkaan yang sebenar mengenai bilangan syarikat, majikan, pekerja, ahli-ahli perniagaan dan lain-lain mengikut kumpulan ethnik. Kesulitan ini dihadapi bukan saja di peringkat mukim, daerah dan negeri, tetapi kesulitan-kesulitan yang sama ditemui juga di peringkat nasional.

Untuk mendapat perangkaan yang sebenar, maka dalam peringkat pengumpulan data, penulis telah mengunjungi persatuan-persatuan perniagaan, Jabatan Perangkaan Negara dan ACCCIM (The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia) untuk memperolehi data-data yang diperlukan.

Masalah pada peringkat kedua ialah sikap usahawan Cina yang kurang mesra, berwaspada dan kurang bekerjasama dengan penulis, ini telah menjadi satu halangan kepada penulis untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut. Terdapat responden yang enggan berterus terang dan enggan memberi

kerjasama. Di samping itu, mereka bimbang penulis mungkin adalah seorang pengintip atau mempunyai kaitan dengan syarikat lain dari sektor yang sama. Di antaranya, terdapat usahawan Cina bimbang penulis adalah ejen-ejen kerajaan, akibatnya terdapat responden yang enggan menjawab soalan-soalan tertentu kerana ditakuti bersalahan dengan undang-undang, misalnya ramai responden yang enggan memberitahu nama parti-parti atau aktiviti politik yang mereka ceburi.

Untuk menyelesaikan masalah ini, penulis telah membuat borang soal selidik untuk diisikan oleh usahawan-usahawan Cina. Dengan adanya borang soal selidik, responden yang berwaspada terhadap penulis telah menjawab soalan penulis. Bagi soalan yang mereka tidak ingin menjawab itu akan dibiarkan begitu sahaja.

Masalah penterjemahan telah dihadapi dalam tesis ini, terutamanya menterjemah nama dan perkataan Cina dalam bentuk huruf roman. Penyelesaian dalam kajian ini adalah mengikut dua jenis sebutan iaitu Hanyu pinyin (汉语拼音) dan dialek. Ejaan yang mengelirukan kerana diberi beberapa sebutan telah berlaku. Misalnya, Huizhou disebut dalam sebutan Hanyu Pinyin, sementara dalam dialek, ia boleh disebut sebagai Fui Chiu, Fei Chew, Fui Chou, Fui Chew, Fei Chou, dan sebagainya. Untuk menyelesaikan masalah ini sebutan Hanyu pinyin telah digunakan dalam tesis ini. Misalnya Peking disebut Beijing, Kwangtung ditulis Guangdong, dan sebagainya.

Untuk menyamakan sebutan, sepatutnya Hanyu pinyin dipakai dalam seluruh kajian. Masalahnya, secara tradisi, huruf roman selalu mengikut sebutan dialek. Sekiranya sebutan Hanyu pinyin di pakai, nama perseorangan dan institusi yang dikenali dalam rekod sejarah menjadi sesuatu yang asing. Misalnya, Kapitan Yap Ah Loy menjadi Ye Ya Lai, Loke Yew ditulis sebagai Lu You. Supaya tidak mengelirukan pembaca dalam hal ini, nama perseorangan dan institusi yang luas digunakan dalam rekod sejarah, fail dan dokumen kerajaan dan suratkhbar akan ditulis mengikut sebutan dialek, tetapi sebutan Hanyu pinyin akan diberi dalam tanda kurungan.

1.9 KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian tentang komuniti Cina di Asia Tenggara selepas perang dunia kedua. Kebanyakan kajian ini adalah meliputi sejarah, agama, aktiviti ekonomi, kebudayaan Cina dan lain-lain lagi.

Tien (1953) dalam kajiannya telah mengemukakan sumber-sumber yang penting dalam perniagaan Cina di Sarawak. Beliau telah memberi analisis ke atas jaringan peniaga-peniaga getah dan sistem kredit yang ditawarkan kepada peladang-peladang di luar bandar negeri Sarawak.

Han (1975), telah membuat kajian pengkhususan pekerjaan orang Cina di Sabah dan Labuan. Pentaburan penduduk orang Cina di Sabah telah diterangkan oleh Han pada bab pendahuluan. Seterusnya aktiviti ekonomi orang Cina di Sabah juga dikaji, terutamanya pengkhususan pekerjaan mengikut kumpulan dialek, seperti yang dikatakan oleh Han, 'In Labuan, all

the goldsmiths are Cantonese; all the bicycle shops are owned by the Henghua; all the Chinese wharf coolies are Hokkian. About 75 percent of the grocery store owners are Hokkian; 71 percent of the coffee shop proprietors are Hailam; 80 percent of the tailors and photo-studio owners are Hakka; and about 76 percent of the peddlers are Hokkian.' Di samping itu, pengaruh teknologi barat ke atas perubahan pekerjaan di antara kumpulan dialek turut dikaji.

Dalam kajian Lim Ban Beng (1979), beliau telah mengkaji peranan kekeluargaan dalam perkembangan perniagaan dan juga sumbangan kepada lahirnya satu keadaan di mana pengkhususan pekerjaan yang berasaskan dialek. Seperti contoh peniaga-peniaga kedai kopi kebanyakan dijalankan oleh orang Hainam dan Hokchiu. Kelemahan kekeluargaan seperti ketidakcapan, untung rendah, tidak peka kepada perubahan pasaran, masalah-masalah pengganti dan waris dan ketidakmampuan dalam pengguna teknologi juga turut dikaji.

Chia (1979) telah mengkaji kegiatan-kegiatan ekonomi masyarakat Cina di Kelantan dengan mengenengahkan pelbagai aspek. Dalam kajian ini beliau telah memberi rumusan kepada peniaga-peniaga Cina di Kelantan tentang sumbangan mereka kepada pembangunan ekonomi Kelantan sementara mengenengahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga Cina khususnya jenis-jenis perniagaan dan kegiatan ekonomi serta pembangunannya juga turut dibincangkan dalam kajian ini.

Dalam buku “The Chinese in Southeast Asia” yang disunting oleh Linda Lim dan Gosling (1983), Ia telah dibahagikan kepada empat jenis kajian. Pertama, kes kajian intensif usahawan Cina dalam pekerjaan dan bidang industri, seperti Hafner mengkaji pekebun di Thailand, Barton mengkaji usahawan Cina di Vietnam, Omohundro mengkaji usahawan Cina di Filipina, Landa mengkaji peniaga kecil getah di Malaysia dan Singapura, Gosling mengkaji petani tanaman luar bandar di Malaysia dan Thailand, Yengoyan pula mengkaji usahawan Cina dalam industri perikanan di Filipina, Nonini pula mengkaji pengangkutan lori di Pekan Tebu, Malaysia, dan Linda Lim mengkaji pengilang-pengilang Malaysia dan Singapura yang bertumpu kepada barang-barang elektronik yang berorientasikan eksport. Kajian tersebut mementingkan aktiviti ekonomi yang dilancarkan oleh usahawan Cina di Asia Tenggara. Kedua ialah menganalisis usahawan Cina tempatan dengan kumpulan usahawan luar negara dan berbanding dengan praktis perniagaan usahawan Cina dengan usahawan etnik lain. Seperti Gosling dan Yengoyan berbincang perniagaan tanaman dan perniagaan perikanan yang berkaitan dengan pelanggan tempatan. Nonini dan Linda Lim berbincang perniagaan orang Cina bergantung kepada modal asing dan multi-nasional. Ketiga, Kes kajian tertumpu kepada komuniti Cina tempatan. Strauch mengkaji kampung baru Cina di Malaysia, kajian ini membincangkan struktur kelas dan pekerjaan orang Cina yang dipengaruhi oleh pembangunan atau kemelesetan ekonomi serta politik etnik dan polisi diskriminasi kerajaan. Keempat, Lim Mah Hui mengkaji perubahan peranan usahawan Cina dalam pemilikan dan kawalan ke atas firma besar di Malaysia. Pang Eng Fong pula menganalisis

pengagihan pendapatan yang berdasarkan kaum yang dipengaruhi oleh pembangunan ekonomi dan polisi kerajaan di Malaysia dan Singapura.

Limlingan (1986), mengkaji dan membincang bagaimana orang Cina mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang ekonomi di negara-negara ASEAN. Pada bab pendahuluan, Beliau telah mengkaji sejarah imigrasi dan perkembangan orang Cina di negara-negara ASEAN. Dalam intipati kajian pula, beliau telah mengkaji dan membincang strategi-strategi yang biasa diamalkan oleh usahawan Cina seperti contoh, strategi batas untung rendah dan amaun tinggi, strategi bersifat oportunistik dan lain-lain lagi. Di samping itu, sifat-sifat dan cara-cara serta kes kejayaan perniagaan usahawan Cina turut dikaji dan dibincang.

Chia (1990), seperti juga ahli antropologi yang lain, menggunakan kaedah penyertaan dan pemerhatian dalam kerja lapangannya, kajian lebih menumpukan perhatian dalam kajian peniaga-peniaga Cina di Kuala Krai di mana menggabungkan perdagangan dan kehidupan sosial mereka sebagai strategi untuk berniaga. Pergabungan ini telah diketengahkan untuk menerangkan cara yang digunakan untuk mengiatkan perniagaan mereka. Perhubungan perseorangan dalam perniagaan adalah penting dan turut dibincangkan dan dikaji, seperti mempengaruhi pertalian kekeluargaan dan perhubungan dengan kawan-kawan, mendapat penaaungan dari orang yang berpengaruh atau berkuasa dan lain-lain. Selain itu, agensi-agensi dan pelbagai pertubuhan yang terbabit juga turut diketengahkan. Kepentingan jaringan antara pertubuhan dengan peniaga-peniaga membela pertalian

perseorangan melalui kegiatan-kegiatan pertubuhan serta mengambil berat tentang perhubungan dengan pelanggan Melayu turut diberi perhatian. Di samping itu, kejayaan yang diperolehi telah memperkukuhkan kedudukan sosial dan politik peniaga.

Redding (1990), seperti juga ahli antropologi yang lain, menggunakan kaedah penyertaan, wawancara dan pemerhatian dalam kerja lapangannya. Kajian lebih menumpukan perhatian dalam kajian kepercayaan dan kefahaman seramai 72 orang pengurus di Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Indonesia. Redding telah menerangkan tradisi masyarakat orang China yang biasa dipengaruhi oleh fahaman Konfusianisme, Taoisme, Buddhisme dan jalinan kekeluargaan. Kefahaman ini telah dipraktis dalam perniagaan kekeluargaan Cina. Beliau telah mengetengahkan dua aspek organisasi yang penting dalam menerangkan corak perniagaan kekeluargaan Cina, seperti yang dikatakan beliau *'the structure of the organization, in terms of shape, size and basic framework; and the way it is managed, seen in terms of the main managerial functions such as personnel, finance, etc.'*

Manakala Badaracco (1991) pula menyatakan jaringan sebagai satu proses untuk memperluaskan bulatan keyakinan keusahawanan di kalangan usahawan. Daripada jaringan yang dibina, memungkinkan pihak-pihak yang terlibat memperolehi faedah sama ada berbentuk kewangan atau bukan kewangan serta melaksanakan agenda tersendiri untuk kepentingan perniagaan.

Cawood (1992) pula berpendapat, jaringan merupakan sebahagian daripada dinamik politik dan kuasa yang membolehkan seseorang mempengaruhi rakan niaga supaya berpihak kepadanya dan pada masa yang sama rakan niaga berpeluang mendapat manfaat daripada kelebihan yang dimiliki oleh orang lain.

Tan Chee Beng (1994) juga mengetengahkan *guanxi* (inter-personal relationships), *ganqing* (different degrees of intimacy of relationships) dan *renqing* (mutual obligations among relatives or friends) adalah saling berhubungan. Tan juga mengatakan perkembangan perniagaan Cina bukan hanya melibatkan modal sahaja tetapi juga memelihara jaringan supaya mempercepatkan proses mendapat maklumat, pengaruh, haluan, kredit, pasaran, tenaga buruh dan sebagainya.

Johns (1996) mendefinisikan jaringan sebagai satu proses pembinaan perhubungan yang baik dengan ahli-ahli utama dalam syarikat dan pihak luar bagi membolehkan matlamat seseorang tercapai.

Nonini (1997), dalam kajiannya ke atas industri berskala kecil dalam perusahaan Cina di luar bandar dalam semenanjung Malaysia. Strategi *guanxi* yang digunakan oleh usahawan Cina telah turut dikaji. Beliau berkata: *Guanxi discourse is a euphemized form of a speech about practices associated with subcontracting that mystifies more than it negates the differentials in power and the potentials for exploitation between parties that characterize much*

subcontracting arrangements (1997:7). Di samping itu, Nonini juga mengkaji jaringan famili dalam industri berskala kecil.

Gomez dan Jomo (1997), dalam kajian mereka telah menafikan kegunaan nilai-nilai Konfusianisme dalam lapangan perniagaan usahawan-usahawan Cina. Begitu juga mereka menafikan kegunaan ahli-ahli keluarga usahawan Cina dalam perniagaan mereka serta kejayaan usahawan Cina adalah disebabkan oleh jaringan famili. Sampel kajian Gomez dan Jomo adalah melibatkan syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat antarabangsa. Mereka membuktikan kewujudan naungan kerajaan dan hubungan politik dalam perniagaan usahawan Cina yang memiliki syarikat besar dan bertaraf antarabangsa.

Gomez (1999), telah membuat satu kajian yang lebih menyeluruh mengenai perniagaan Cina yang berskala besar dan bertaraf antarabangsa di Malaysia mengikut jangkamasa sebelum dan selepas kemerdekaan serta selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru. Seperti dalam jangkamasa jajahan British, Gomez mengkaji usahawan Cina yang bernama Eu Tong Sen, Lau Pak Kuan, Loke Yew, Tan Kah Kee dan Lee Kong Chian yang cenderung dalam industri pelombongan timah dan peladangan getah. Sebab-sebab dan peranan penubuhan Malayan Chinese Association (MCA) oleh pelabur Cina turut dibincangkan. Gomez membuat kajian ke atas Robert Kuok dengan Perlis Plantations Bhd, Lim Goh Tong dengan Genting Bhd, Loh Boon Siew dengan Oriental Holding Bhd. Penubuhan syarikat tersebut adalah pada masa awal jajahan British, dan selepas kemerdekaan serta berkaitan dengan

pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kes Kajian yang dikaji pada masa pelancaran Dasar Ekonomi Baru dan bagaimana dasar serta naungan kerajaan telah mempengaruhi usahawan Cina berniaga seperti contoh kes kajian William Cheng dengan Lion Corporation Bhd, Khoo Kay Peng dengan Mui Bhd, Vincent Tan Chee Yioun dengan Berjaya Group Bhd dan lain-lain lagi.

DeGlopper (1972), Barton (1977) dan Tan Chee Beng (1994) pula mengkaji *xinyong* (trust) dikalangan usahawan Cina yang biasa digunakan.

DeGlopper (1972) mengkaji perusahaan Cina di Lukang di mana beliau mendapati bahawa sekiranya tidak ada *xinyong* maka tidak dapat memulakan perniagaan mereka. Kajian beliau juga membuktikan konsep *xinyong* adalah popular dan tidak boleh diketepikan di Lukang.

Barton (1977), membuat kajian ke atas usahawan Cina di Vietnam Selatan. Pengkaji telah cuba menerangkan cara-cara dan strategi-strategi yang biasa digunakan oleh peniaga Cina, *xinyong* adalah salah satu caranya. Seperti yang dikata oleh beliau: "For Chinese businessmen Sun Yung is the key concept in business relations and the basis for a particular type of business strategy which emphasizes personal relations and the maximization of long term advantage" Barton 1977:150). Selain daripada *xinyong*, *ganqing* (sentiments) juga diketengahkan oleh pengkaji dalam tesisnya.

Tan (1994), mengatakan *xinyong* adalah: "refers to a person's reliability in economic relations," or "an individual's or a firm's reputation,

reliability, credit rating” (Jomo 1997:2) Di samping itu, Tan juga mengemukakan *guanxi* kepada *ganqing* (darjah hubungan) dan *renqing* (saling kewajiban di antara saudara mara) adalah saling berhubungan.

Secara kesimpulan, kajian Gomez dan Jomo menafikan kewujudan nilai-nilai Konfusianisme dalam perniagaan Cina. Syarikat-syarikat besar yang dikaji telah terbukti mempunyai naungan politik. Akan tetapi dalam kajian penulis pula adalah melibatkan firma kecil dan sederhana, syarikat-syarikat besar bukan merupakan sasaran kajian penulis. Dalam kajian Barton dan Nonini, terdapat persamaan dengan kajian penulis, iaitu usahawan Cina tidak ada naungan politik. Dalam kajian penulis, FKS Cina tidak memperoleh naungan politik dan masih mengamalkan nilai-nilai Konfusianisme seperti berjimat-cermat, taat kepada ibu bapa, mengamalkan *xinyong* semasa menjalankan perniagaan, mementingkan hubungan famili dan lain-lain lagi.

1.10 PEMBAHAGIAN BAB

Di bahagian akhir bab ini penulis ingin memberi penjelasan ringkas berkenaan pembahagian bab untuk dijadikan panduan. Bab pertama berkisar kepada pengenalan berhubungan dengan usahawan Cina secara umum. Perbincangan juga dilakukan berhubungan dengan sumbangan kajian dan penulisan tentang usahawan Cina yang dilakukan oleh ahli antropologi tempatan dan luar negara. Fokus kajian penulis ditumpukan kepada usahawan Cina di Lembah Kelang. Dalam bab ini juga turut menyentuh tentang pendekatan teori yang digunakan, dan di bahagian akhir bab perbincangan tertumpu kepada kaedah penyelidikan yang digunakan.

Bab kedua lebih memberi tumpuan kepada falsafah dan pemikiran Konfusianisme yang mempengaruhi FKS Cina di Malaysia. Penerangan yang terperinci telah dilakukan ke atas falsafah tersebut. Latar belakang dan sejarah asas falsafah juga turut dibicarakan khusus dalam masyarakat Cina. Antara elemen-elemen penting dalam ajaran fahaman tersebut juga dikemukakan untuk dibincangkan agar melibatkan aktiviti perusahaan usahawan Cina. Di samping itu pengaruh dan keberkesanan falsafah dan memainkan peranan penting ke arah membentuk perubahan cara-cara dan sikap perniagaan di kalangan usahawan Cina.

Bab ketiga akan ditumpukan kepada pengumpulan data dan penganalisan data serta aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh syarikat responden-responden.

Seterusnya bab keempat merupakan satu daripada intipati tesis ini, aspek yang akan dibincangkan melibatkan pengaruh Konfusianisme terhadap usahawan Cina dan persepsi usahawan Cina terhadap latihan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Bab kelima pula akan menentengahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan Cina. Terutamanya masalah kewangan, masalah teknologi, masalah persaingan, masalah pasaran dan sebagainya. Di samping itu cara-cara menyelesaikan masalah tersebut juga dibicarakan.

Akhir sekali, bab enam cuba membuat penelitian semula terhadap cabaran masa depan yang perlu ditempuhi oleh FKS. Penilaian juga dibuat ke atas usahawan Cina seharus dilakukan di mana mereka telah mengalami perubahan secara beransur-ansur. Arus pemodenan yang membawa masuk ide dan nilai-nilai baru, arus yang dialami dilihat dari pelbagai aspek kehidupan yang melibatkan material dan spiritual. Kesan langsung dan kesan tidak langsung didapati telah mempengaruhi pelbagai aspek seperti taraf sosio ekonomi, perubahan pemikiran, corak hidup, sistem pentadbiran dan kesan-kesan negatif yang membawa kepada gejala perusahaan.